

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MAC 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Pelan 5G diteruskan tanpa gangguan

Pelan 5G diteruskan tanpa gangguan

PETALING JAYA – Pengekalan pelaksanaan rangkaian 5G secara Rangkaian Borong Tunggal (SWN) oleh Digital Nasional Bhd. (DNB), serta tawaran pegangan ekuiti sehingga 70 peratus dalam DNB kepada syarikat telekomunikasi dilihat mewujudkan situasi menang-menang.

Penganalisis Maybank Investment Bank, Tan Chi Wei dalam nota kajian yang diterbitkan semalam berkata, ia merupakan penyelesaian yang munasabah bagi pihak kerajaan serta empat syarikat telekomunikasi utama di negara ini.

Jelasnya, daya maju ekonomi DNB amat bergantung kepada pelaksanaan rangkaian tunggal dan juga pengoperasian DNB sebelum ini yang telahpun menandatangani kontrak peralatan berbilang tahun.

"Keputusan untuk menutup DNB adalah satu tindakan yang tidak praktikal dan menelan belanja yang mahal.

"Kami percaya keinginan utama syarikat telekomunikasi mudah alih kini adalah untuk mendapatkan semula pemilikan dan kawalan rangkaian bagi memastikan mereka terus relevan dalam industri untuk jangka masa panjang.

"Cadangan penyertaan ekuiti ini membolehkan syarikat telekomunikasi mempunyai pemilikan dan berkongsi rangkaian 5G," katanya.

Butiran penyertaan ekuiti dalam DNB bagaimanapun masih dibincangkan dan rondongan bakal diadakan dalam tempoh beberapa bulan akan datang



dengan sasaran untuk dimukta-madkan pada Jun 2022.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Ainuddin Wahid Abdul Wahab berkata, pembaharuan pada struktur DNB membolehkan pelan pelancaran 5G yang dirancang sejak awal akan diteruskan tanpa gangguan.

Menurutnya, dengan pentingnya pemain industri utama dalam DNB, semua pihak boleh bergerak secara bersama dan mengurangkan risiko persaingan yang mungkin tidak begitu baik untuk industri.

"Antara objektif DNB ialah menyediakan harga 5G mampu milik untuk pengguna dengan sasaran ia lebih murah berbanding 4G dan saya percaya ini mampu dicapai memandangkan kos teknologi menjadi semakin rendah menuju ke hadapan.

"Mungkin terdapat kerisauan dari segi pemilikan swasta yang tinggi dalam DNB, namun saya percaya ia mampu diselesaikan menerusi perbincangan yang bakal dijalankan," ujarnya.